

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(B)39

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

39. Selaras dengan Pelan Tindakan Penuaan Aktif dan inisiatif bandar mesra usia, Pulau Pinang khususnya sebelah Pulau dijangka mencapai status Bandar Mesra Usia pada 2025. Apakah kemajuan terkini dalam usaha untuk mencapai status ini?
- (a) Apakah bidang penambahbaikan (gaps) yang telah dikenal pasti hasil daripada libat urus bersama pihak berkepentingan?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

39. Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus mencatat kemajuan ke arah mencapai status Negeri Mesra Usia menjelang tahun 2030 melalui pelaksanaan Inisiatif Bandar Mesra Usia (Age-Friendly City Initiative) di bawah panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjadi ahli *Global Network for Age-Friendly Cities and Communities (GNAFCC)* sejak 28 Julai 2023 dan kini berada di penghujung Fasa 1 (Pemantauan dan Penilaian) dan akan memasuki Fasa 2 selepas menerima laporan jurang (gap report) daripada *Malaysia Healthy Ageing Society (MHAS)*.

Melihat kejayaan pelaksanaan ini di kawasan pulau, Kerajaan Negeri kini memperluas inisiatif ini ke Seberang Perai melalui perancangan Pelan Tindakan Strategik (Age-Friendly City) Seberang Perai (AFCSP) oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Pelan ini dijangka bermula pada tahun 2026, menjadikan Pulau Pinang bukan sahaja sebuah Bandar Mesra Usia, tetapi sebuah Negeri Mesra Usia secara menyeluruh.

- (a) Bidang penambahbaikan yang telah dikenal pasti hasil sesi libat urus bersama pihak berkepentingan pada 23 Ogos 2025 merangkumi beberapa aspek utama di bawah lapan domain *Bandar Mesra Usia* Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Antara bidang penambahbaikan yang ketara ialah dari segi (pengangkutan awam), di mana telah dikenal pasti kekurangan akses kepada perkhidmatan yang mesra warga emas, khususnya ke Hospital Pulau Pinang. Bagi mengatasi isu ini, (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) (MBPP) telah meluluskan pelaksanaan perkhidmatan bas percuma *Central Area Transit (CAT)* bermula 1 Januari 2026, dengan peruntukan sebanyak RM1.7 juta setahun. Laluan bas ini akan meliputi perjalanan sejauh lapan kilometer dari KOMTAR ke Hospital Pulau Pinang.

Dari sudut sokongan sosial dan komuniti, warga emas telah menyuarakan keperluan untuk lebih banyak aktiviti sosial serta jaringan komuniti bagi mengatasi masalah pengasingan sosial dan kesihatan mental. Sebagai respon, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan *Program Sukarelawan Mutiara* sebagai satu inisiatif sokongan sosial kepada warga emas, OKU dan keluarga berpendapatan rendah.

Melalui program ini, sukarelawan menjalankan lawatan berkala dan aktiviti komuniti bersama Ahli Parlimen, ADUN, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta NGO seperti *Tzu-Chi Society*, bagi memastikan warga emas terus mendapat perhatian dan sokongan sosial yang berterusan. Selain itu, JKM turut menyediakan khidmat kaunseling dan sokongan psikososial kepada warga emas yang memerlukan bantuan emosi dan bimbingan, terutamanya bagi mereka yang tinggal bersendirian atau berdepan masalah kesihatan mental.

Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Kempen Warga Emas Celik dengan kerjasama JKM, yang menumpukan kepada lima komponen utama pembangunan warga emas, iaitu (Celik Sosial), (Celik Digital), (Celik Kewangan), (Celik Hak Bersuara) dan (Celik Penuaan Aktif). Inisiatif ini bertujuan memperkasa warga emas agar kekal berdaya saing, berpengetahuan dan berperanan aktif dalam masyarakat, selaras dengan prinsip penuaan aktif dan inklusif yang menjadi asas kepada pembangunan *Bandar Mesra Usia* Pulau Pinang.

Dari aspek penyertaan warga emas dalam tenaga kerja, Kerajaan Negeri dan MBPP telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan warga emas kekal aktif dan produktif. Melalui Senior Citizens Empowerment Programme, MBPP memberi peluang kepada pesara seperti guru, jurutera dan pegawai pentadbiran untuk kembali berkhidmat. Sejak program ini dilancarkan pada Julai 2025, seramai lapan orang warga emas telah diambil bekerja semula di MBPP, sekali gus membantu meningkatkan kesejahteraan ekonomi serta mengiktiraf pengalaman mereka sebagai aset komuniti.

Selain itu, (Program Pembersihan Tandas Awam) di bawah bidang kuasa MBPP turut melibatkan penyertaan warga emas dalam pelaksanaannya. Sebanyak (lapan tandas awam) di sekitar Pulau Pinang telah dikenal pasti untuk diselenggara, di mana tenaga kerja terdiri daripada warga emas yang dilatih dan dibayar elaun bulanan bagi memastikan kebersihan fasiliti awam sentiasa terjamin.

Melengkapi usaha tersebut, (Kontrak Perkhidmatan Komuniti) turut dianugerahkan kepada penduduk di kawasan perumahan awam bagi tujuan pembersihan dan keselamatan, dengan syarat sekurang-kurangnya (75% peluang pekerjaan) dalam bidang tersebut diberikan kepada warga emas.

Di samping itu, (Projek Pertanian Bandar di Lebuhraya Rose) turut digerakkan sebagai model ekonomi komuniti mesra usia, di mana warga emas bertanggungjawab mengurus, memantau dan mengusahakan kebun tersebut.